

MAKLUMAT INOVASI 2013

a.

i.	Nama Ketua Kumpulan :	Sharil Azwan Bin Mohd Zain
ii.	Jawatan dan Gred :	Pegawai Penyelidik Q41
iii.	Alamat :	Pusat Ternakan Haiwan Tersat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 21700 Kuala Berang, Terengganu
iv.	No. Telefon Pejabat dan Tel. Bimbit serta No. Faks :	09-6884523, 019-6990106, 09-6882005
v.	E-mail	sharil@dvs.gov.my
vi.	Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:	
	1. Dr Jamaliah bt Senawi (Pegawai Veterinar G48) 2. Fakhrolisham Bin Razali (Peg. Penyelidik Q41) 3. Masrin Bin Azami (Peg. Penyelidik Q41) 4. Nur Akhmah Ahmad Khushairi (Pen. Peg. Vet G27)	

KETERANGAN INOVASI

a.	Tajuk inovasi
	Sistem GIS DVS (Pemetaan Indeks Penyakit)
b.	Ringkasan Inovasi
	Sistem ini diwujudkan bagi menampung keperluan DVS dalam menjalankan kerja-kerja pemantauan outbreak penyakit dengan lebih berkesan. Sistem ini yang berorientasikan penggunaan sistem maklumat geografi (GIS) untuk

	memetakan lokasi kejadian outbreak penyakit ternakan yang berlaku di Malaysia.
c.	Latarbelakang
	Idea bagi projek Sistem GIS DVS (Pemetaan Indeks Penyakit) telah dicetuskan oleh Seksyen Epidimeologi dan Surveilan (EPIS), DVS pada November 2012 kepada sekumpulan pegawai penyelidik dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI), DVS. Projek pembangunan sistem ini bermula pada Disember 2012 dan melalui kerjasama antara BPI dan EPIS, sistem ini telah berjaya dibangunkan dan beroperasi sejak Januari 2013. Pembangunan sistem ini tidak menggunakan sebarang kos dan hanya menggunakan tenaga mahir pegawai DVS sendiri.
d.	Penjelasan inovasi
	Sistem Pemetaan Indeks Penyakit GIS DVS berfungsi sebagai satu platform untuk memantau dan menjalankan perancangan pencegahan kejadian outbreak penyakit ternakan di Malaysia. Setiap kejadian penyakit yang dilaporkan kepada DVS melalui borang EPIS06 akan dipetakan melalui sistem maklumat geografi (GIS) bagi memaparkan maklumat-maklumat berkaitan penyakit tersebut seperti jenis penyakit, nama penternak yang terabit, spesis ternakan, kawasan kejadian dan sebagainya. Maklumat ini kemudian akan dipaparkan secara atas talian melalui sistem ini. Oleh yang demikian, kerja-kerja pencegahan yang lebih terancang dan berkesan dapat dijalankan kerana melalui sistem ini satu kawasan penamparan atau 'buffer' dapat diwujudkan pada jarak yang bersesuaian bermula dari titik lokasi kejadian outbreak tersebut.
e.	Faedah inovasi
	Melalui Sistem Pemetaan Indeks Penyakit GIS DVS ini, satu mekanisma penambahbaikan perkhidmatan dalam pemantauan dan perancangan pengawalan kejadian outbreak penyakit yang lebih berkesan dapat dilaksanakan. Penentuan kawasan penamparan dari titik kejadian penyakit dan pengukuran jarak yang lebih efisien dapat dijalankan menggunakan sistem ini. Kawasan 'hot spot' bagi kejadian penyakit juga dapat dikenal pasti dengan lebih cepat dan mudah.